

SOALAN-SOALAN LISAN

MESYUARAT KETIGA TAHUN KEDUA DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN

PERSIDANGAN KEDUA 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

1. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD (MANONG)

Menurut Laporan Kemajuan Tahun Kedua Perak Sejahtera 2030 yang dibentang pada 10 Jun 2024 menjangkakan Perak Halal Industrial Park (Perak HIP) akan siap pada tahun 2025. Bagaimana Kerajaan membuka ruang dan memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha lembu pedaging tempatan terlibat sama dalam Perak HIP?

- a) Apakah langkah-langkah proaktif yang telah atau akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti industri pedaging di negeri Perak?
- b) Selain dari pengeluaran gelatin halal dan daging frozen apakah produk lain yang menjadi fokus Perak HIP?

2. YB ENCIK ONG SENG GUAN (POKOK ASSAM)

3. Negeri Perak semakin menarik kepada pelabur asing dan pelbagai usaha gigih semakin kuat dijalankan oleh Kerajaan Negeri Perak tahun ini.

- a) Adakah pencapaian pelaburan sektor perindustrian di bandar Taiping tahun ini?
- b) Apakah cabaran utama untuk menjayakan projek pelaburan khususnya Syarikat Rely Metals yang masih diusahakan sejak awal tahun ini?
- c) Apakah peranan atau usaha kerajaan negeri untuk membantu menjayakan usaha pelaburan tersebut?

3. YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN (LUBOK MERBAU)

Apakah usaha kerajaan dalam meluaskan lagi pemasaran produk-produk IKS Perak ke luar negara? Dan mohon kerajaan nyatakan produk-produk IKS negeri Perak sedia ada yang kini telah dipasarkan di peringkat antarabangsa.

4. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH (MALIM NAWAR)

KAMPUNG E-DIGITAL ATAU E-WILAYAH

- 1. Apakah Kerajaan Negeri Perak mempunyai perancangan untuk memperkenalkan inisiatif Kampung E-Digital di negeri Perak sebagai satu langkah progresif dalam memodenkan komuniti kampung di negeri ini?
- 2. Apakah strategi yang akan dan telah disusun oleh pihak Kerajaan untuk memodenkan komuniti kampung di negeri Perak?

5. YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH (SELINSING)

- a) Mohon nyatakan bilangan semasa projek perumahan terbengkalai mengikut daerah di Perak dan apakah tindakan kerajaan terhadap pemaju-pemaju ini bagi mengelakkan masalah ini berulang.
- b) Mohon nyatakan bilangan semasa projek perumahan terjual mengikut daerah di Perak,jenis rumah dan apakah tindakan kerajaan kerajaan mengatasi lambakan rumah.

6. YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDDIN BIN ABDUL AZIZ (KAMUNTING)

Klinik Kesihatan Kamunting sudah tidak dapat menampung keperluan kesihatan masyarakat setempat. Keadaan ruang dalaman yang sempit, tiada kemudahan parking menjadikan ianya tidak selesa kepada mereka yang datang untuk mendapat rawatan di sini.

1. Apakah perancangan kerajaan untuk menaiktaraf Klinik Kesihatan kamunting ini?

7. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY (HUTAN MELINTANG)

- 1) Apakah rancangan JPS alam menguruskan air larian permukaan dari kawasan tinggi ke kawasan rendah dan sila senaraikan projek-projek tebatan banjir terkini yang sedang dilaksanakan oleh JPS serta projek-projek tebatan banjir yang masih dalam perancangan dan kajian serta apakah perancangan masa depan di dalam mengatasi masalah banjir?
- 2) Apakah perancangan kerajaan dalam menangani isu kerosakan atau kekurangan kemudahan infrastruktur yang menyebabkan berlakunya kejadian banjir ketika fenomena air pasang besar?

8. YB ENCIK MOHAMAD HUSAIRI BIN ARIFFIN (KENERING)

Apakah langkah yang di ambil oleh kerajaan Negeri bagi memastikan Projek Pembangunan dan pembinaan Kompleks Belia dan Sukan di Lawin, Gerik, dapat di laksanakan, disiapkan dan dapat digunakan oleh rakyat?

9. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN (SUNGAI MANIK)

Infrastruktur dan Pembangunan Kawasan Luar Bandar

- A. Apakah pelan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan infrastruktur jalan raya di kawasan luar bandar di Hilir Perak, khususnya di kawasan-kawasan yang sering mengalami kerosakan atau kesesakan di kawasan DUN Sg Manik?
- B. Bagaimana Kerajaan Negeri merancang untuk membangunkan lebih banyak projek perumahan mampu milik bagi membantu penduduk berpendapatan rendah di kawasan-kawasan seperti di Langkap, Chenderong Balai dan sekitarnya?

10. YB TUAN SYED LUKMAN HAKIM BIN SYED MOHD ZIN (CHENDEROH)

Apakah strategi Kerajaan Negeri dalam meningkatkan ketersediaan rumah mampu milik bagi rakyat, terutamanya bagi golongan muda dan berpendapatan rendah?

11. YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)

3. Sila nyatakan situasi semasa sistem ePerak yang diterajui oleh PerakGIS serta masalah yang dihadapi dan bila akan siap sepenuhnya?

12. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD (MANONG)

Perak sangat kaya dengan seni, warisan dan budaya. Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan perlu dilakukan secara serius dan sistematik. Punca kuasa yang jelas dapat melancarkan kerja-kerja pengurusan warisan.

- a) Adakah Kerajaan negeri bercadang untuk mewujudkan Enakmen Warisan?
- b) Apakah usaha yang telah Kerajaan lakukan untuk menggalakkan penglibatan badan-badan korporat dan swasta dalam melestarikan khazanah warisan negeri?
- c) Apakah peranan yang telah dipertanggungjawabkan kepada PBT untuk mempromosikan kekayaan khazanah warisan di daerah masing-masing?

13. YB ENCIK MOHAMAD HUSAIRI BIN ARIFFIN (KENERING)

Apakah tindakah yang akan diambil oleh kerajaan Negeri untuk mengatasi isu banjir kilat yang kerap terjadi di Sekolah Kebangsaan Kenering (SK Kenering) di Kg Malau, Gerik, Perak?

14. YB ENCIK MUHAMMAD ZULFADLI BIN ZAINAL (SLIM)

Teknologi Pertanian Moden

1. Apakah inisiatif utama kerajaan negeri untuk menarik pelaburan dalam teknologi pertanian moden bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti sektor pertanian dinegeri ini?
2. Apakah insentif yang ditawarkan kepada pelabur dalam bidang teknologi pertanian moden?
3. Bagaimanakah Kerajaan Negeri merancang untuk memastikan kelestarian pelaburan ini dalam jangka masa panjang?

15. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN (BEHRANG)

Apakah usaha yang diambil oleh kerajaan negeri untuk menambah baik sistem bekalan air terawat dan perpaipan di DUN Behrang bagi mengatasi peningkatan jumlah penduduk serta mengelakkan masalah gangguan bekalan air?

16. YB KAPT (B) DATO' HAJI MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS (BATU KURAU)

Ingin bertanya kepada YAB MB, tidakkah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi sedikit ganjaran kepada guru KAFA yang telah berkhidmat selama 10 tahun ke atas yang menamatkan perkhidmatan mereka?

17. YB PUAN MOHD HAFEZ BIN SABRI (MANJOI)

KESESAKAN LALU LINTAS DI BANDAR MERU RAYA.

- (a) Apakah usaha segera kerajaan dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas yang semakin meningkat naik di Bandar Meru Raya?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meletakkan tugas kepada beberapa anggota polis trafik bagi menjaga kesesakan lalu lintas di kawasan (a) pada waktu masyarakat pergi dan pulang dari kerja?

18. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN DATUK YAHYA (RUNGKUP)

Daerah Bagan Datuk telah dilanda dengan peristiwa ban pecah pada bulan September yang lalu akibat fenomena air pasang besar dan ribut. Sebanyak 12 lokasi di daerah Bagan Datuk telah mengalami permasalahan ban pecah yang telah menyebabkan air laut melimpah masuk ke kawasan-kawasan kediaman dan kebun-kebun yang mengakibatkan kerugian yang sangat besar.

- A) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh JPS dan Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa kejadian ban pecah ini tidak akan berulang?
- B) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan peruntukan kecemasan khas untuk bencana-bencana seumpama ban pecah ini memandangkan pihak JPS sentiasa mempunyai kekangan daripada segi peruntukan untuk membaik pulih ban-ban pecah dan mengawal selia ban-ban sedia ada untuk memastikan kejadian ban pecah tersebut ditangani secara pro-aktif.

19. YB DR NAJIHATUSSALEHAH BINTI AHMAD (BOTA)

Akses kepada perkhidmatan Kesihatan.

Apakah inisiatif kerajaan untuk memudahkan rakyat akses kepada perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang berkualiti khasnya dikawasan luar bandar?

Bilakah Kerajaan Negeri akan melebarkan perkhidmatan Bas Perak Sejahtera ke daerah Perak Tengah memandangkan tidak lama lagi Hospital Seri Iskandar akan beroperasi tidak lama lagi?

Apakah perancangan seterusnya oleh jabatan kesihatan negeri terhadap Hospital Changkat Melintang?

20. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

Pembangunan Ekonomi

- i) Bagaimanakah Kerajaan Negeri merancang untuk meningkatkan pembangunan ekonomi di Negeri Perak?
- ii) Apakah sektor utama yang menjadi fokus utama pembangunan ekonomi negeri?
- iii) Apakah insentif yang disediakan untuk menarik pelaburan asing ke Perak?

21. YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL (CHANGKAT JERING)

Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan memastikan kualiti bangunan perumahan yang dibina di Perak memenuhi standard yang ditetapkan?

Apakah yang telah dilakukan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah banjir dan tanah runtuhan yang kerap berlaku di kawasan perumahan?

22. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN (SUNGAI MANIK)

Pengurusan Bencana dan Perubahan Iklim

- I. Apakah pelan tindakan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan risiko banjir di kawasan rendah Hilir Perak, terutamanya semasa musim hujan dan fenomena air pasang besar?
- II. Bagaimana Kerajaan Negeri merancang untuk membantu komuniti tani dan nelayan di Hilir Perak menyesuaikan diri dengan perubahan iklim yang menjelaskan hasil pertanian dan perikanan?

23. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG (CHENDERIANG)

Kementerian Kerja Raya telah meluluskan peruntukan RM2.5Juta bagi melaksanakan pelan jangka pendek pelaksanaan sistem penyuraian trafik di sekitar tapah untuk menyelesaikan isu kesesakan. Menurut Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam tempoh ujian sistem jalan sehala, kesesakan trafik di pekan Tapah telah berjaya diminimumkan.

- a. Pelan jangka masa panjang bagi menyelesaikan masalah sistem penyuraian trafik berdasarkan cadangan JKR negeri dengan membina jalan pintas sepanjang 200 meter melibatkan kos RM 17Juta. Apakah status kerajaan negeri untuk memohon peruntukan daripada kerajaan persekutuan untuk pelan jangka masa panjang?
- b. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan akan bertambah luang parkir di Pekan tapah untuk memyelesaikan masalah parkir pelanggan yang datang ke pekan Tapah?